

# Pusat tuntutan ganti rugi

**B.H. - 6 FEB 1992**  
KUALA LUMPUR, 6 Feb — Kerajaan Pusat akan menuntut kerajaan negeri Kelantan membayar ganti rugi jika pembinaan Empangan Pergau tergendala kerana kedua-dua pihak sudah menandatangani perjanjian mengenai projek itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan Negeri Kelantan perlu membayar ganti rugi jika ia menyebabkan kelewatan projek itu, terutama dengan mengganggu peralanan projek.

"Kalau projek lewat, kita kena bayar ganti rugi nengikut perjanjian den-

gan kontraktor. Dan jika kita kena bayar ganti rugi kerana gangguan Kerajaan Negeri Kelantan, kita akan tuntutan daripada Kerajaan Negeri Kelantan," katanya kepada pemberita rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti Gerakan di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu, menyatakan pembinaan projek Empangan Pergau bernilai \$1.3 bilion di Jeli, Kelantan mungkin ditangguhkan berikutan tindakan Kerajaan Negeri Kelantan merampas sebahagian daripada peralatan pembinaan.

Beliau juga berkata kerajaan negeri perlu membayar \$450 juta setahun jika tindakannya menyebabkan projek pembinaan itu tergendala.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Negeri Kelantan berjanji akan memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat berhubung projek itu yang akan menguntungkan Kelantan.

"Jadi, kalau dia tidak beri kerjasama, yang akan rugi ialah penduduk Kelantan. Soal dia parti lain, kita parti lain, tidak patut digunakan untuk menghalang projek untuk

**LIHAT MUKA 2**

# Mahathir mungkin batal lawatan

**B.H. - 6 FEB 1992**

## DARI MUKA 1

rakyat," katanya.

Ditanya tindakan yang boleh diambil jika Kerajaan Negeri Kelantan enggan bekerjasama, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa selain mengikut peraturan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Mengenai lawatannya ke Kelantan pada 20 dan 21 Februari ini, Perdana Menteri berkata, beliau mungkin membatalkannya kerana mesyuarat Perhubungan Umno Kelantan yang patut dihadapinya sudah diatur lebih awal di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, ketika ditemui di majlis yang sama, berkata tindakan Kerajaan Kelantan adalah tanda mereka enggan bekerjasama dengan Pusat.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Pusat akan terus melaksanakan pembinaan empangan itu dan meminta Kerajaan Kelantan membayar ganti rugi kepada kontraktor jika berlaku kerugian.

"Bayaran ganti rugi itu banyak dan saya rasa Kerajaan Kelantan tidak mampu membayarnya. Eloklah mereka bekerjasama," katanya.